

**Garis Panduan  
Integriti Akademik  
Institusi Pengajian Tinggi Malaysia**

**Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia**



# Kandungan

Kata Aluan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia.....	3
Kata Aluan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia .....	4
Pengenalan .....	5
Nilai Teras Pengajian Tinggi .....	5
Integriti Akademik.....	5
Matlamat Integriti Akademik.....	6
Objektif Garis Panduan Integriti Akademik .....	6
Skop Garis Panduan Integriti Akademik.....	6
Fasa Pelaksanaan Garis Panduan Integriti Akademik.....	7
Nilai Teras Integriti Akademik.....	7
Skop Integriti Akademik.....	8
Domain dan Sub Domain Integriti Akademik.....	9
1. Pengajaran dan Pembelajaran .....	9
2. Penyelidikan dan Pengkomersilan .....	10
3. Penerbitan.....	11
4. Perundingan.....	12
5. Khidmat Masyarakat .....	12
6. Pentadbiran.....	13
Penutup.....	13
Rujukan .....	14
Sekalung Penghargaan.....	145
Lampiran 1 .....	16

## KATA ALUAN MENTERI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA

Y.B. Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin




Assalamulaiikum wrt. wbt., Salam Sejahtera dan Salam1Malaysia,

Penghasilan *Garis Panduan Integriti Akademik* IPT adalah tepat pada masanya. Garis panduan ini terhasil daripada usaha dan komitmen yang padu dengan hasrat menerapkan nilai-nilai intrinsik seperti kejujuran, keadilan, kepercayaan, hormat-menghormati dan tanggungjawab dalam jiwa ahli akademik di semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Ia sejajar dengan iltizam kerajaan pada hari ini untuk memperkasakan nilai integriti. Malah nilai integriti ini seperti yang kita sedia maklum, telah pun diangkat sebagai salah satu daripada empat (4) nilai asas pelengkap dalam pentadbiran kerajaan di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak dalam usaha untuk mentransformasikan negara menjadi sebuah negara maju.

Kewujudan garis panduan ini penting bagi membolehkan masyarakat umum menilai sejauh mana tahap integriti ahli akademik. Adalah perlu bagi ahli akademik selaku sarjana mengungguli satu transformasi minda, etika kerja dan sistem penyampaian perkhidmatan bagi mendukung agenda murni tersebut. Kepentingan integriti bukan sekadar menjadi pemangkin kepada transformasi, namun lebih penting daripada itu, integriti hendaklah dilihat sebagai ukuran kepada kejayaan transformasi itu nanti.

Aspek integriti di kalangan warga akademik sebagai satu kewajipan yang perlu dibangun, dijaga, dipertanggungjawabkan, ada ketelusan, dapat memberi impak yang tinggi dan kepercayaan yang kukuh kepada pemegang taruh terhadap peranan sektor pengajian tinggi secara keseluruhannya. Kekuatan integriti akademik di kalangan pensyarah akan menjadi rujukan dan ikutan pelajar sekali gus dapat membantu membudayakan integriti dalam masyarakat kampus. Ia menjadi asas kepada kita untuk melahirkan persekitaran Akademik Berbudaya Cemerlang yang akhirnya dapat menjana modal insan yang berkualiti.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terbabit menyediakan garis panduan ini. Semoga garis panduan ini dapat membantu memartabatkan budaya intelektual dan keserjanaan.

  
**MOHAMED KHALED BIN NORDIN**  
**MENTERI PENGAJIAN TINGGI**  
**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

## KATA ALUAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA

Tuan. Hj. Ab. Rahim Bin Md. Noor



Assalamualaikum wrt. wbt., Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,

Usaha mentranformasi Malaysia menjadi Negara berpendapatan tinggi adalah merupakan inisiatif yang tepat bagi meningkatkan keupayaan daya saing negara dan seterusnya mempercepatkan usaha Malaysia untuk menjadi sebuah Negara maju pada tahun 2020. Sungguhpun begitu, proses ini perlu dilakukan secara terancang dan tersusun bagi memastikan Malaysia dapat menjadi sebuah negara maju yang bukan sahaja boleh diteladani dari aspek kuantitatif seperti tahap kemampunan sosio ekonomi, pencapaian dalam bidang sains dan teknologi malah juga didasari oleh nilai murni dan integriti yang tinggi di kalangan rakyatnya.

Menyedari keperluan tersebut Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) selaku peneraju dalam usaha pembangunan modal insan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk memastikan nilai integriti yang tinggi dapat disemai dan dibudayakan di dalam Institusi Pengajian Tinggi. Di antara usaha yang telah dilaksanakan adalah dengan mewujudkan Pelan Tindakan Pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN) Pengajian Tinggi 2010-2015, Majlis Sambutan Hari Integriti Peringkat Pengajian Tinggi, pameran, siri ceramah integriti serta lawatan pemantauan bagi melihat pelaksanaan program-program integriti di peringkat jabatan, agensi dan IPT.

Sebagai tambahan kepada inisiatif sedia ada, Kementerian Pengajian Tinggi melalui Jabatan Pengajian Tinggi telah menyediakan *Garis Panduan Integriti Akademik*. Garis panduan yang telah dibangunkan oleh jawatankuasa penyediaan Garis Panduan Integriti Akademik ini menggariskan enam skop utama integriti ahli akademik iaitu dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan pengkomersialan, perundangan, penerbitan, khidmat masyarakat dan pentadbiran.

Adalah menjadi harapan Kementerian melalui garis panduan ini, aspek wibawa, integriti serta profesionalisme ahli akademik di semua Institusi Pengajian Tinggi dapat diperkukuhkan dan pada masa yang sama persekitaran intelektual yang beretika dapat diwujudkan berasaskan kepada prinsip integriti akademik.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang telah terlibat dalam penghasilan garis panduan ini.

Sekian,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Ab. Rahim Md. Noor', written over a white background.

**AB. RAHIM MD. NOOR**

**Ketua Setiausaha  
Kementerian Pengajian Tinggi**

## PENGENALAN

Bidang pengajian tinggi hari ini menghadapi pelbagai persoalan hasil agenda pengantarabangsaan ilmu dan perubahan tuntutan setempat yang memerlukan penilaian semula aspek nilai, integriti dan jangkaan masa hadapan. Kemelut yang terhasil akibat perubahan ini telah mendatangkan percanggahan pendapat tentang apa yang wajar dilaksana dan dipatuhi bukan sahaja oleh institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta yang semakin berkembang pesat. Nilai asas akademik kini bertembung dengan nilai komersil dan inovasi yang setiapnya mempunyai penekanan tersendiri.

Terdorong keadaan sebegini, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara - Melangkaui Tahun 2020 telah menggariskan kerangka dan tindakan yang perlu dilakukan untuk mentransformasi pengajian tinggi Malaysia. Proses transformasi ini memerlukan tindakan pengukuhan wibawa, integriti dan profesionalisme (WIP) akademik. Pengukuhan wibawa, integriti dan profesionalisme amat penting untuk membina budaya akademik cemerlang di negara ini.

KPT telah menjalankan kajian Wibawa, Integriti dan Profesionalisme atau WIP (2010) sebagai langkah permulaan untuk menganalisis situasi semasa wibawa, integriti dan profesionalisme di IPT Malaysia. Lanjutan daripada Kajian WIP (2010), KPT telah mengambil tindakan pro-aktif menyediakan satu garis panduan integriti untuk ahli akademik bagi semua IPT di Malaysia.

## NILAI TERAS PENGAJIAN TINGGI

IPT bertanggungjawab menyediakan persekitaran pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan untuk mencapai budaya akademik cemerlang. Persekitaran sedemikian penting untuk menggalak dan memantap pencapaian intelektual di IPT.

Kajian WIP (2010) telah mengenal pasti empat nilai teras IPT. *Pertama*, pencarian ilmu pengetahuan secara bebas (*free inquiry*) iaitu IPT dan ahli akademik beriltizam untuk mencari 'kebenaran'. Integriti akademik merupakan komitmen ke arah mencari kebenaran, secara konsisten dan jujur. *Kedua*, usaha berterusan tanpa jemu meneroka ufuk ilmu, berkongsi pengetahuan yang diperolehi dan menyebarkan nilai serta pengetahuan kepada keserakanan dan masyarakat. *Ketiga*, keterangkuman (*inclusiveness*) bermaksud pengetahuan untuk semua tanpa meminggirkan mana-mana pihak. *Keempat*, saling berhubungan (*connectivity*) untuk mempermudah ahli akademik mengguna kepakaran secara bersama dan kreatif untuk memperluas ufuk ilmu yang dapat dimanfaatkan bersama.

Gabungan keempat-empat nilai teras pengajian tinggi dengan integriti mampu mewujudkan persekitaran pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan yang kondusif serta membina landasan kukuh bagi IPT mencapai kecemerlangan akademik.

## INTEGRITI AKADEMIK

Komuniti akademik yang mengutamakan penerokaan, penyebaran dan aplikasi ilmu sentiasa komited untuk membangunkan persekitaran intelektual dan beretika, berasaskan prinsip integriti akademik. Integriti akademik merupakan keseiringan nilai-nilai intrinsik yang perlu untuk membina dan memupuk sikap menghormati dan bertanggungjawab terhadap penerokaan ilmu dan kecemerlangan akademik. Nilai intrinsik meliputi aspek kelayakan, kemahiran, pengalaman, kepakaran dan prinsip akademik yang dipercayai dan diamalkan.

Dengan kata lain, budaya komuniti akademik cemerlang harus berlandaskan integriti akademik.

Pembentukan Garis Panduan Integriti Akademik ini mendukung Pelan Integriti Negara (PIN). Objektif PIN bertujuan 'membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur' (Kerajaan Malaysia 1991). KPT, sebagai wahana usaha integriti ini, telah menetapkan beberapa strategi bagi membangun dan mewujudkan persekitaran pengajian tinggi yang menggalak pembangunan pusat ilmu yang unggul (WIP 2010). Menerusi pembudayaan integriti akademik di IPT, insan yang kompeten, berinovasi serta berakhlak mulia untuk memenuhi keperluan negara dan antarabangsa, dapat dihasilkan. Persekitaran IPT berbudaya cemerlang pula dapat mendidik pelajar dan melahirkan modal insan berintegriti - jujur, amanah, telus, cekap, bijaksana, beretika, berprinsip dan bermoral tinggi. Kesemua ini merupakan nilai intrinsik ahli akademik, pelajar dan pentadbir di sesebuah institusi pengajian tinggi (WIP 2010).

## **MATLAMAT INTEGRITI AKADEMIK**

Mengukuh dan memartabat institusi pengajian tinggi Malaysia sebagai institusi pendidikan berintegriti.

## **OBJEKTIF GARIS PANDUAN INTEGRITI AKADEMIK**

Garis Panduan Integriti Akademik merupakan dokumen yang bertujuan memperinci dan mempermudah kefahaman nilai integriti akademik. Ia juga menjadi rujukan utama IPT untuk memupuk budaya akademik cemerlang.

Objektif Garis Panduan Integriti Akademik adalah untuk:

1. Mengangkat pembudayaan integriti sebagai satu kewajipan untuk memartabat citra akademik;
2. Memandu amalan berintegriti dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab akademik; dan
3. Menjadi asas pembentukan prosedur yang telus dan mudah difahami oleh komuniti akademik.

## **SKOP GARIS PANDUAN INTEGRITI AKADEMIK**

Garis Panduan Integriti Akademik disediakan sebagai panduan meningkat integriti dan memupuk budaya akademik cemerlang ahli akademik dan penyelidik di IPT yang dilantik melakukan segala tugas akademik.

## FASA PERLAKSANAAN GARIS PANDUAN INTEGRITI AKADEMIK



## NILAI TERAS INTEGRITI AKADEMIK

Dalam menggubal Garis Panduan Integriti Akademik, enam nilai teras integriti akademik diutamakan, iaitu:

### (a) Amanah

Amanah merujuk kepada kesungguhan ahli akademik dalam memenuhi kepercayaan, kewajipan dan tanggungjawab yang diberikan. Amanah akademik merangkumi peningkatan ilmu, penyampaian yang berkesan, dan memberi khidmat serta pandangan tanpa rasa takut atau mengharap pujian. Ahli akademik melaksanakan tugas dengan tanggungjawab dan menghayati skop kerja serta komited terhadap tuntutannya. Ahli akademik juga tidak terlibat dalam rasuah dan tidak menyalahguna kuasa.

### (b) Bijaksana

Identiti akademik yang cemerlang tergambar menerusi kebijaksanaannya, dapat menggunakan akal budi dalam menjalankan tugas agar matlamat tercapai. Ia terangkai daripada pengalaman, ilmu dan kemahiran yang menjadikan ahli akademik itu seorang budiman.

**(c) Akauntabiliti**

Ahli akademik berupaya dan bersedia mempertanggungjawab semua tindakannya dengan penjelasan dan justifikasi yang rasional dan objektif.

**(d) Hormat**

Hormat itu menerima kepelbagaian sudut pandangan dan menghargai semua bentuk sumbangan yang mempertingkatkan kualiti akademik. Berbahasa dan kesopanan ditekankan dalam sebarang hubungan kerja, tanpa mengira status, umur dan gender.

**(e) Telus**

Tidak ada tindakan akademik yang perlu disembunyi daripada pihak berkepentingan (*stakeholders*). Setiap keputusan dicapai menerusi proses yang jelas strukturnya dan dapat dibuktikan kesahihannya.

**(f) Adil**

Ahli akademik tidak berprasangka, tidak berat sebelah dan tidak memilih kasih dalam menjalankan tugas. Ia membahagikan masa, perhatian dan ilmu secara wajar dan sesuai kepada semua yang memerlukan kepakarannya.

## **SKOP INTEGRITI AKADEMIK**

Skop integriti akademik meliputi tugas ahli akademik:

- (a) Pengajaran dan Pembelajaran
- (b) Penyelidikan dan Pengkomersilan
- (c) Perundingan
- (d) Penerbitan
- (e) Khidmat Masyarakat
- (f) Pentadbiran



## DOMAIN DAN SUB DOMAIN INTEGRITI AKADEMIK

### 1. PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Sub Domain	Panduan
<b>Penyampaian pengajaran</b>	1. Melengkapi diri dan menyampaikan ilmu terkini
	2. Menggunakan kaedah dan bahan pengajaran bersesuaian
	3. Memberi perspektif yang seimbang dalam penyampaian ilmu (tidak bias)
	4. Tahap ilmu yang disampaikan bersesuaian dengan tahap pembelajaran pelajar
	5. Kejujuran akademik dengan pengiktirafan sumber ilmu dalam pengajaran
<b>Hubungan pensyarah dengan pelajar</b>	1. Memberikan masa, bahan pengajaran, perhatian sewajarnya kepada semua pelajar
	2. Hubungan antara pengajar dan pelajar dilaksana secara saling menghormati
	3. Memenuhi hak pelajar
<b>Penilaian pelajar</b>	1. Penilaian jelas dan mengikut ketetapan kursus
	2. Penilaian telus dan adil
	3. Kepelbagaian cara penilaian pelajar
<b>Kualiti Penyeliaan</b>	1. Penyeliaan berasaskan bidang dan kepakaran
	2. Memenuhi hak pelajar menerima bimbingan
	3. Penyeliaan dilaksanakan mengikut ketetapan yang dipersetujui
	4. Memelihara harta intelek untuk setiap pihak

## 2. PENYELIDIKAN DAN PENGKOMERSILAN

Sub Domain	Panduan
<b>Kewangan dan dana projek</b>	1. Mengurus penerimaan dan perbelanjaan dana secara berhemah
	2. Mendapatkan dana dari sumber kewangan yang sah
	3. Telus tentang penerimaan dan penggunaan dana
<b>Bidang dan tajuk projek</b>	1. Penyelidikan yang terkini /termaju dalam bidang berkaitan
	2. Hasil penyelidikan memberi manfaat kepada masyarakat.
<b>Keahlian projek</b>	1. Penyelidik mempunyai kepakaran dalam bidang yang diselidiki
	2. Penyelidik memberi komitmen kepada penyelidikan yang dijalankan
<b>Proses pelaksanaan</b>	1. Penilaian penyelidikan dari rakan kesepakaran
	2. Proses pelaksanaan penyelidikan memenuhi keperluan etika penyelidikan
	3. Hasil penyelidikan memenuhi keperluan harta intelek
	4. Proses pembangunan produk atau hasil penyelidikan mengiktiraf semua pihak yang terlibat
	5. Hasil penyelidikan mempamer nilai keserjanaan

### 3. PENERBITAN

Sub Domain	Panduan
<b>Kedudukan sebagai pengarang</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Kedudukan setiap penyumbang sebagai pengarang ditentukan di awal proses penulisan dengan persetujuan semua penyumbang</li></ol>
<b>Plagiarisme</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Langkah proaktif diambil supaya penulisan bebas daripada unsur-unsur plagiat</li><li>2. Mengelakkan diri daripada <i>swa-plagiat (self plagiarism)</i></li></ol>
<b>Integriti data</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Data diperoleh dan ditafsir berasaskan kepada sumber yang sahih melalui kaedah saintifik</li><li>2. Memberi hak kebolehcapaian data kepada rakan akademik untuk tujuan verifikasi</li></ol>
<b>Penyebaran penerbitan</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>3. Penerbitan keserjanaan mematuhi kontrak penaja</li><li>4. Tidak menghantar manuskrip yang sama kepada lebih daripada satu penerbit dalam tempoh yang sama untuk penerbitan</li><li>5. Tidak menerbitkan semula penulisan yang telah diterbitkan</li></ol>
<b>Pewasitan manuskrip</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Mengelakkan diri daripada menilai sebarang manuskrip kenalan, rakan sendiri atau ahli keluarga.</li><li>2. Memastikan penilaian manuskrip mematuhi syarat yang ditetapkan dan menarik diri dari menilai jika bukan dalam bidang kepakaran</li></ol>

#### 4. PERUNDINGAN

Sub Domain	Panduan
<b>Pematuhan kontrak</b>	Memastikan semua terma dan jadual perundingan yang dipersetujui dalam kontrak dipatuhi
<b>Pengurusan Prosedur</b>	Memastikan prosedur kerja berkaitan perundingan dipatuhi dengan merujuk kepada garis panduan dan peraturan terkini
<b>Bayaran perundingan</b>	Memastikan sebarang kerja perundingan mematuhi prosedur kewangan yang terkini
<b>Ketelusan pelantikan</b>	Memastikan sebarang pelantikan berkaitan dengan kerja perundingan memenuhi bidang kepakaran.
<b>Kualiti perundingan</b>	Memastikan kerja perundingan mengikut piawai kualiti yang ditetapkan tanpa menjejaskan objektiviti dan kebebasan akademik
<b>Kerahsiaan perundingan</b>	Memastikan sebarang penemuan dan maklumat perundingan tidak didedahkan tanpa kebenaran

#### 5. KHIDMAT MASYARAKAT

Sub-domain	Garis Panduan
<b>Impak</b>	1. Aktiviti membawa kesejahteraan masyarakat
<b>Aktiviti</b>	1. Tidak bercanggah dengan nilai. 2. Kegiatan tidak menjejaskan tugas hakiki
<b>Kompetensi</b>	1. Mempunyai kelayakan dan kebolehan dalam khidmat yang diberikan

## 6. PENTADBIRAN

Sub Domain	Panduan
Pelaksanaan Kuasa	<ol style="list-style-type: none"><li>2. Membentuk dan mematuhi garis panduan kerja</li><li>3. Menubuhkan jawatankuasa pemilihan sumber dalam aspek pengurusan</li></ol>
Penilaian prestasi staf	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Mengadakan kriteria dan pelaksanaan penilaian yang jelas serta bersifat objektif</li><li>2. Mengadakan penilaian kesepakaran</li></ol>
Pelantikan pentadbir	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Mewujudkan sistem dan kriteria pelantikan pentadbir yang telus</li><li>2. Mengadakan pemilihan secara kolektif, dan berdasarkan kompetensi</li></ol>
Kesamaan peluang	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Melaksanakan sistem merit</li></ol>
Pembangunan staf dan pelajar	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Memperkasakan badan kebajikan staf dan pelajar</li><li>2. Memperkukuhkan sistem aduan</li></ol>
Komunikasi	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Penggunaan sistem komunikasi berkesan</li><li>2. Menyediakan ruang komunikasi dua hala (dialog, perjumpaan berkala)</li></ol>

## PENUTUP

Pembangunan dan masa hadapan negara antara lainnya bergantung kepada keutuhan institusi pendidikan tingginya. Kewibawaan dan pandangan masyarakat terhadap institusi ini amat terkait dengan integritinya dan ini merupakan sesuatu yang perlu diberikan penekanan yang wajar. Nilai-nilai sepunya yang mendasari integriti akademik perlu termaklum dan diterima komuniti akademik. Garis Panduan Integriti Akademik ini disediakan sebagai kerangka asas pembinaan dan pemupukan budaya kecemerlangan akademik dalam kalangan komuniti akademik IPT di Malaysia. Garis panduan ini membantu pihak IPT memperinci dan melaksana aktiviti dan program membudayakan integriti. Iltizam dan usaha bersungguh-sungguh perlu ditunjukkan oleh komuniti akademik bagi merealisasi hasrat murni ini. Pihak KPT perlu mengukuh dan memastikan garis panduan dilaksana oleh setiap IPT secara berterusan. Komitmen integriti akademik akan mentransformasi pengajian tinggi negara ke mercu kegemilangan.

## RUJUKAN

- Bridges, D. (2006). The Practice of Higher Education. In Pursuit of Excellent. *Educational Theory*, vol 56/4: 371- 386
- Brimble, M., Clarke, P. S.(2005). Perceptions of the Prevalence and Seriousness of Academic Dishonesty in Australian Universities, *The Australian Educational Researcher*, Volume 32, Number 3, December 2005, hal 19 – 44
- Caldwell, C. (2009). A Ten-Step Model for Academic Integrity: A Positive Approach for Business Schools, *Journal of Business Ethics*, DOI 10.
- Centre for Academic Integrity. (1999).  
[http://www.academicintegrity.org/fundamental\\_values\\_project/pdf/FVProject.pdf](http://www.academicintegrity.org/fundamental_values_project/pdf/FVProject.pdf).  
(muat turun 15 Oktober, 2009)
- Institut Integriti Malaysia. (2006). *Pelan Integriti Nasional*. <http://www.iim.com.my/> (muat turun 7 Oktober, 2009).
- Institut Tadbiran Negara (1992) *Tonggak Duabelas*. Kuala Lumpur: INTAN.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2005). *Pelan Integriti Nasional: Strategi Pelaksanaan Peringkat Institut Pengajian Tinggi*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA)
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2007). *Laporan Tahunan Pelaksanaan Pelan Integriti Nasional Institut Pengajian Tinggi*.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2008). *Laporan Tahunan Pelaksanaan Pelan Integriti Nasional Institut Pengajian Tinggi*.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2009). *Laporan Tahunan Pelaksanaan Pelan Integriti Nasional Institut Pengajian Tinggi*.
- Kerajaan Malaysia (1991) *Wawasan 2020*  
<http://apps.emoe.gov.my/bppk/nota/WAWASAN%202020/WAWASAN%202020%20VERSI%201.0.pdf> (muat turun pada 17 Oktober, 2009)
- Kisamore, J. L., Stone, T. H., Jawahar, I. M. (2007). Academic Integrity: The Relationship between Individual and Situational Factors on Misconduct Contemplations, *Journal of Business Ethics* (2007) 75 : 381–394 Mustafar, I (2008), *Buletin integriti*, Disember, hal 2.

## **Sekalung Penghargaan:**

YBhg. Dato' Ir. Dr. Radin Umar Bin Radin Sohadi  
Ketua Pengarah  
Jabatan Pengajian Tinggi

YBhg. Prof. Dr. Rujhan Bin Mustafa  
Timbalan Ketua Pengarah Sektor Pengurusan (IPTA)  
Jabatan Pengajian Tinggi

Penasihat : Prof. Madya Dr. Zarida Binti Hambali  
Pengarah  
Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik  
Jabatan Pengajian Tinggi

Urusetia : Unit Sastera dan Sains Sosial  
Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik  
Jabatan Pengajian Tinggi

## LAMPIRAN 1

### Ahli Jawatankuasa Penyediaan Garis Panduan Integriti Akademik IPT

<b>Nama Ahli</b>	<b>Universiti</b>
<b>Prof. Madya Dr. Madeline Berma</b> <i>(Pengerusi)</i>	Universiti Kebangsaan Malaysia
<b>Prof. Madya Dr. Muhammad Nubli Abdul Wahab</b> <i>(Timbalan Pengerusi)</i>	Universiti Malaysia Pahang
<b>Prof. Dr. Azimi Hamzah</b>	Universiti Putra Malaysia
<b>Prof. Dr. Abd. Jalil Borhan</b>	Universiti Malaysia Pahang
<b>Prof. Madya Datin Dr. Shamshubaridah Ramlee</b>	Universiti Kebangsaan Malaysia
<b>Prof. Madya Dr. Faridah Shahadan</b>	Universiti Kebangsaan Malaysia
<b>Prof. Madya Dr. Ong Puay Liu</b>	Universiti Kebangsaan Malaysia
<b>Prof. Madya Dr. Junaenah Sulehan</b>	Universiti Kebangsaan Malaysia
<b>Prof. Madya Noor Rahamah Hj Abu Bakar</b>	Universiti Kebangsaan Malaysia
<b>Prof. Madya Dr. Abdul Hadi Harman Shah</b>	Universiti Kebangsaan Malaysia
<b>Prof. Madya Dr. Yazrina Yahya</b>	Universiti Kebangsaan Malaysia
<b>Prof. Madya Dr. Ezhar Tamam</b>	Universiti Putra Malaysia
<b>Prof. Madya Dr. Abdul Hafidz Haji Omar</b>	Universiti Teknologi Malaysia
<b>Prof. Madya Dr. Wan Abd. Aziz Wan Mohd Amin</b>	Universiti Malaysia Terengganu
<b>Prof. Madya Dr. Norazman Abd Majid</b>	Universiti Teknologi Malaysia
<b>Dr. Hanina Halimatusaadiah Hamsan</b>	Universiti Putra Malaysia
<b>Dr. Amini Amir Abdullah</b>	Universiti Putra Malaysia
<b>Zuraidah Abdullah</b>	Universiti Kebangsaan Malaysia
<b>Shazlinda Md. Yusof</b>	Universiti Kebangsaan Malaysia
<b>Mohammad Rezal bin Hamzah</b>	Universiti Malaysia Perlis